

BERITA

02/12/2024 / SHARIR AIZAT KAMARUDDIN



Arau, 10 Nov 2024 – Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis (UiTM Cawangan Perlis) menerusi Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Unit Hal Ehwal Islam telah menganjurkan Festival Kolej Tahun 2024 (FESKO24) dari 8-10 November 2024.

Tujuan penganjuran FESKO24 adalah untuk mencapai 8 teras utama Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar (URHP) dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) yang merangkumi elemen kerohanian dan pembangunan insaniah, akademik, disiplin dan kepimpinan mahasiswa melalui penganjuran pelbagai program-program bersempenan FESKO24.

Impak program ini kepada UiTM ialah melahirkan mahasiswa yang mempunyai kemahiran insaniah dan teknikal yang tinggi dalam aspek keusahawanan, kerohanian, dan kebudayaan yang boleh meningkatkan kebolehpasaran mereka setelah bergraduasi dan memenuhi permintaan syarikat-syarikat dan pemain industri besar.

Antara Performance Indicator (PI) yang terlibat adalah P1029 (Number of leadership programmes), P1037 (Number of students involved in invention and innovation activities), P1038 (Number of programme/module related to patriotism & ESI-IDART initiatives); dan P1039 (Number of programme related to emotional well-being)

Majlis Perasmian Penutupan FESKO24 telah disempurnakan oleh YBrS Menjalankan Fungsi Rektor UiTM Cawangan Perlis, Prof Madya Dr Shukor Sanim Mohd Fauzi

YBrS Prof Madya Dr Shukor Sanim Mohd Fauzi berkata penganjuran program FESKO24 telah menarik sebanyak 2000 pengunjung yang terdiri daripada para mahasiswa, staf akademik dan alumni UiTM Cawangan Perlis.

Menurut beliau, sebanyak 8 buah subprogram telah dijalankan seperti Gema Dakwah: Pertandingan Nasyid dan Tilawah Al-Quran, Melodies Under Stars Najwa Latif, Gegar Melodi Kolej, Pasar Keusahawanan, dan Open College Paintball Competition dan sebagainya

Majlis Perasmian Penutupan FESKO24 telah dihadiri oleh YBrS Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri, Prof Madya Dr Wan Izhan Nawawi Wan Ismail; YBrS Penasihat Program FESKO24, Dr. Adly Rosly; YBrS Penolong Pendaftar Kanan, Puan Nor Shida Hussain; YBrS Koordinator Unit Komunikasi Korporat, Puan Eliy Nazira Mat Nazir; dan tetamu undangan lain.